

16 OCT 2003

Mahathir-Palestin/I

KEKUATAN FIKIRAN DIPERLUKAN UNTUK PERJUANGAN PALESTIN: DR M

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Umat Islam gagal mencapai sebarang keputusan dalam memperjuangkan hak Palestin sejak 50 tahun lepas kerana mereka berdepan dengan satu bangsa yang menggunakan akal, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata umat Islam juga sepatutnya turut menggunakan akal pemikiran mereka bagi memastikan kemenangan di Palestin.

Jelas merujuk kepada kaum Yahudi, beliau berkata: "Mereka berjaya melalui pembunuhan kaum (pogrom) selama 2,000 tahun bukan dengan melawan balik tetapi dengan berfikir. Mereka mencipta dan menggalakkan Sosialisme, Komunisme, hak asasi manusia dan demokrasi supaya pembunuhan ke atas mereka akan kelihatan sebagai satu kesalahan, dengan itu mereka akan dapat menikmati hak sama rata dengan yang lain.

"Dengan (cara) itu mereka kini telah berjaya menguasai kebanyakan daripada negara terkuat dan mereka, satu masyarakat yang kecil, telah menjadi satu kuasa dunia. Kita tidak dapat menentang mereka dengan tenaga sahaja. Kita perlu gunakan akal."

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucapan pembukaan pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), di sini.

Bagaimanapun sejak kebelakangan ini disebabkan kuasa yang dimiliki dan kejayaan yang terserlah, mereka menjadi angkuh.

"Dan orang yang angkuh, sama seperti orang yang marah, akan melakukan kesilapan, lupa untuk berfikir. Mereka sudah mula melakukan kesilapan dan akan terus melakukan kesilapan dengan lebih banyak.

"Mungkin peluang telah terbuka pada masa ini dan akan datang. Kita perlu merebut peluang itu," katanya.

Dr Mahathir memberitahu perhimpunan terbesar pemimpin Islam dunia itu bahawa untuk berbuat demikian, dunia Islam perlu membetulkan tindakan mereka.

"Retorik tidak mengapa. Ia membantu kita mendedahkan kesalahan yang dilakukan terhadap kita, mungkin membantu meraih sedikit simpati dan sokongan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, cara mana dunia Islam bertindak yang akan menentukan sama ada tuhan akan mengurniakan kemenangan atau tidak.

Palestin diwakili oleh Ketua Biro Politik Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Farouk Kaddoumi, pada persidangan itu.

-- BERNAMA
MAM AZZ MOZ